

Vaksin dalam proses pengklonan genetik

Kuala Lumpur: Malaysia membangunkan vaksin Covid-19 melalui kerjasama Institut Kajian Perubatan (IMR) dengan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba berkata, vaksin jenis *messenger ribonucleic acid* (mRNA) atau teknologi jujukan genetik pemutus itu masih dalam proses pembangunan.

Menurutnya, ia mula dibangunkan November tahun lalu dan kini di peringkat pengklonan genetik sasaran iaitu merangkumi varian asal virus dan varian



“
**Kajian klinikal
dijangka
mengambil masa
beberapa
bulan lagi**
Dr Adham

lain SARS-CoV-2.

“Selepas proses pembangunan selesai, kajian ke-

berkesanan vaksin membitkan kajian praklinikal untuk haiwan kecil dan besar.

“Kajian klinikal dijangka mengambil masa beberapa bulan lagi sebelum kajian klinikal manusia dapat dijalankan,” katanya dalam sidang media mingguan Badan Bertindak Imunisasi Covid-19 (CITF), semalam.

Turut sama dalam sidang media itu Menteri Penyelaras Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (PICCK), Khairy Jamaluddin.

Dr Adham berkata, proses pendaftaran dan pengilangan vaksin mRNA itu akan dilakukan sebaik semua ujian klinikal berkenaan berhasil.